

PM tetap bekerja keras pastikan BN terus cemerlang

UM 6 JUL 2002
JITRA 5 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, beliau akan tetap bekerja keras untuk memastikan kejayaan cemerlang Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

“Siapa yang akan mengemudi (BN pada pilihan raya umum kelak), saya tidak tahu,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan upacara peletakan batu asas Kompleks Pentadbiran Daerah Kubang Pasu di Paya Kemuning di sini, hari ini.

Dr. Mahathir yang akan melepaskan jawatannya selepas Oktober tahun depan, ditanya sama ada beliau akan terus mengepalai BN bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang yang mungkin diadakan tahun depan.

“Siapa yang menjadi pemimpin (ketika itu) dialah yang lead (BN menghadapi pilihan raya),” jelasnya.

Dr. Mahathir yang merupakan anggota Parlimen Kubang Pasu bagaimanapun memberitahu, beliau akan kekal sebagai wakil rakyat kawasan itu sehingga tempohnya berakhir.

Ketika ditanya reaksi para penyokongnya hari ini yang menunjukkan mereka mahukan beliau bertanding lagi sebagai wakil rakyat, Dr. Mahathir berkata: “Bila tiba pilihan raya, kita fikirkan-nya. Banyak masa lagi.”

Mengenai calon BN bagi pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pada 18 Julai ini, Pengerusi BN itu berkata, beliau telah pun melihat senarai potensi calon yang dikemukakan kepadanya.

“Sekarang kita sedang membuat penilaian dan akan mengumumkannya apabila tiba masanya,” katanya sambil menambah, ia kini rahsia parti.

Sambil menyatakan beliau juga akan membincangkan perkara itu dengan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr. Mahathir menjelaskan, beliau perlu menandatangani tauliah kepada calon berkenaan tanpa mengira siapa yang akan mengumumkan nama-nama calon BN itu kelak.

Ketika ditanya kesan pilihan raya kecil kali ini terhadap pilihan raya umum akan datang, Dr. Mahathir berkata, rakyat kini lebih menyokong UMNO dan kerajaan.

“Kesan daripada peristiwa-peristiwa lepas, sudah hilang. Orang yang begitu kuat menentang kita dahulu kini sudah kembali kepada UMNO dan kerajaan setelah mereka tahu kita tiada mempunyai sebarang niat buruk,” katanya.